

UNIT 3: TUMBUHAN

3.1 PENJAGAAN TUMBUHAN

3.1.1 CARA MENJAGA TUMBUHAN

3.1.2 KESELAMATAN KETIKA MENJAGA TUMBUHAN



LATIHAN 1: ISIKAN TEMPAT KOSNG BERDASARKAN GAMBAR

Penjagaan tumbuhan penting untuk memastikan tanaman dapat hidup segar dan selamat daripada serangan perosak.

3.1.1 Cara Menjaga Tumbuhan

Terdapat beberapa cara menjaga tanaman iaitu:

1



2



3




4



5



6



7



8



3.1.2 Keselamatan Ketika Menjaga Tumbuhan

Terdapat beberapa langkah keselamatan yang perlu diberi perhatian semasa menjaga tumbuhan atau tanaman.

Langkah-langkah Keselamatan Ketika Menjaga Tumbuhan

1. Keselamatan diri

Ketika menjaga tumbuhan atau tanaman, kita perlulah memakai:

- baju kemeja-T berlengan panjang
- seluar panjang
- kasut but getah
- sarung tangan
- topi

2. Keselamatan semasa menjaga tumbuhan atau tanaman

- Kita perlu menjalankan aktiviti bersama dengan orang dewasa.
- Kita juga perlu membaca arahan pada label peralatan yang digunakan atau pada label racun perosak sebelum melakukan aktiviti berkebun.
- Jangan berlari ketika melakukan aktiviti penjagaan tumbuhan atau tanaman.
- Menggunakan peralatan yang bersesuaian semasa melakukan aktiviti berkebun.
- Jangan menggunakan peralatan yang rosak.
- Memakai sarung tangan dan topeng muka semasa menyembur racun serangga perosak dengan pengawasan orang dewasa.

3. Keselamatan selepas menjaga tumbuhan atau tanaman

- Bersihkan peralatan yang telah digunakan.
- Simpan semua peralatan di dalam stor.
- Pastikan semua peralatan yang tajam dan bahaya seperti cangkul, pencakar, sudip tangan dan serampang tidak bertaburan di kebun.



- Pastikan kawasan kebun berada dalam keadaan bersih dan selamat.
- Bersihkan tangan dengan membuang kotoran dan cuci tangan dengan sabun di bahagian celah jari dan kuku.
- Bilas tangan dengan air bersih.



Carian Internet

Dapatkan maklumat lanjut tentang keselamatan ketika berkebun daripada Internet.



Celik Ilmu

Latihan

1. Berdasarkan pernyataan yang diberikan, isikan ruangan kosong dengan cara penjagaan tumbuhan yang betul.

	Pernyataan	Cara penjagaan tumbuhan
a.	Untuk mendapatkan hasil tumbuhan yang bermutu.	
b.	Menyediakan ruang struktur tanah supaya air boleh meresap ke dalam tanah.	
c.	Membantu tumbuhan untuk melilit, menjalar atau berbatang yang lemah.	
d.	Melindungi anak benih daripada pancaran matahari.	

2. Jawab soalan dengan menyusun huruf yang diberi.

- Digunakan untuk mengawal hakis. **S N G P A K N U U** _____
- Dapat mengekalkan kelembapan tanah dengan menggunakan air. **M E N Y M A I R** _____
- Membekalkan nutrien kepada tumbuhan dalam bentuk organik atau bahan kimia. **M E M A A J B** _____
- Cara ini dilakukan bagi mengelakkan persaingan mendapatkan cahaya, air dan ruang. **M E U P U T R M** _____

3. Berdasarkan gambar di bawah, senaraikan alatan yang diperlukan untuk keselamatan diri semasa menjaga tumbuhan.



- a. _____
- b. _____
- c. _____
- d. _____
- e. _____

4. Nyatakan TIGA perkara yang perlu dilakukan bagi keselamatan semasa dan selepas menjaga tumbuhan.

Semasa menjaga tumbuhan:

- a. _____
- b. _____
- c. _____

Selepas menjaga tumbuhan:

- a. _____
- b. _____
- c. _____